

DAP menuntut janji Rahman Dahlan dedah dokumen tender insinerator
Malaysian Insider
July 15, 2014

Datuk Abdul Rahman Dahlan mesti mendedahkan dokumen penuh tender insinerator Taman Beringin dan identiti pembedanya seperti janjinya di Parlimen, kata DAP hari ini.

Ahli Parlimen Serdang Dr Ong Kian Ming berkata, sekiranya menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu tidak melakukannya, bermakna ada sesuatu yang hendak disembunyikan.

Ong berkata, Rahman dalam jawapannya di Parlimen pada 26 November, 2013 semasa perbahasan belanjawan tender insinerator berkata Taman Beringin bertaraf antarabangsa dan semua data yang dimintanya akan didedahkan.

Rahman dilaporkan berkata: "Ini adalah tender antarabangsa terbuka yang akan diiklankan di mana semua data akan dimaklumkan seperti permintaan Yang Berhormat. Apa yang kita mahu ialah yang terbaik untuk rakyat dan penduduk Kuala Lumpur."

Ong yang juga bersama kumpulan penduduk Kepong Tak Nak Insinerator (KTI) dan sering bertukar mesej Twitter dengan Rahman sejak beberapa bulan lalu berkata, walaupun menteri itu tidak menjanjikan apa-apa kepadanya melalui Twitter, beliau tidak sepatutnya memungkiri janjinya di Parliamen.

Rahman dalam Tweetnya berkata, loji sisa-kepada-tenaga di Taman Beringin itu akan dibina melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta dengan kos pembinaan dibiayai pembida berjaya.

Katanya, kerajaan hanya akan membayar yuran pemberian maklumat setiap tan dan bukannya perbelanjaan modal untuk loji yang dicadangkan itu.

Ong berkata, penting bagi menteri mendedahkan bayaran pemberian maklumat dijangkakan supaya boleh dibandingkan dengan bayaran sekarang oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) iaitu anggaran RM84 (termasuk kos pengangkutan) oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Kebangsaan Datuk Dr Nadzri Yahaya.

"Kalau bayaran yang dijangkakan jauh lebih tinggi daripada bayaran sekarang, penduduk Kuala Lumpur akan terpaksa membayar cukai taksiran jauh lebih tinggi," kata Ong.

Beliau berkata, kos operasi insinerator di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi dan Cameron Highlands semuanya melebihi RM200 setiap tan, yang tertinggi di Cameron Highlands pada RM363 setiap tan.

"Sekiranya termasuk kos modal insinerator, kos untuk setiap tan akan jauh lebih tinggi daripada RM200. Semua maklumat ini, termasuk bayaran pemberian maklumat yang dijangkakan, ada dalam dokumen tender (request for proposal atau RFP) untuk loji sisa-kepada-tenaga ini," katanya.

Ong berkata, pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dalam Tweetnya memberitahunya RFP dijadual dikeluarkan pada minggu ketiga Julai 2014.

"Bila saya tanya pengarah melalui Twitter sama ada RFP itu akan diletakkan di laman web UKAS, dia tidak beri jawapan," katanya.

Kementerian Rahman mencadangkan pembinaan loji insinerator 1,000 tan di Taman Beringin, bagaimanapun ia mendapat tentangan banyak pihak. Loji tersebut dijadualkan mula dibina pertengahan tahun depan dan siap 2018.

KTI mendakwa insinerator itu, yang disahkan kementerian sebagai satu daripada tiga yang dirancangkan di seluruh negara, berharga antara RM800 juta dan RM1.2 bilion setiap satu.– 15 Julai, 2014.

- See more at: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-tuntut-janji-rahman-dahlan-dedah-dokumen-tender-insinerator#sthash.7qWRvfb9.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-tuntut-janji-rahman-dahlan-dedah-dokumen-tender-insinerator>